

Rujukan kami: UMP.03.08/100-1/3/2 (8)
Tarikh: 15 September 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.9 TAHUN 2023
PERATURAN BAYARAN SAGUHATI BAGI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN
(PTK)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.9 Tahun 2023 berkenaan Peraturan Bayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) untuk makluman dan tindakan YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

KEJURUTERAAN

. TEKNOLOGI

. KREATIVITI



PEKELILING BENDAHARI BIL.9 TAHUN 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERATURAN BAYARAN SAGUHATI BAGI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan, kadar dan syarat bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi semua jenis perkhidmatan.

2.0 PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

Pelaksanaan PTK melibatkan penubuhan Lembaga Penilaian Kompetensi yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan meluluskan sukatan peperiksaan serta kurikulum kursus. Di samping itu, beberapa Panel Peperiksaan dan Panel Penilaian Kursus yang bertanggungjawab menggubal kurikulum kursus, menetapkan soalan, menilai prestasi pegawai dan mengesahkan keputusan ujian kursus dan peperiksaan.

3.0 PERATURAN BAYARAN SAGUHATI

3.1 Bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PTK adalah ditetapkan seperti jadual di **Lampiran A**;

3.2 Selain daripada peperiksaan PTK, terdapat juga peperiksaan lain iaitu peperiksaan perkhidmatan. Sehubungan itu, bayaran saguhati seperti di bilangan 3, 4 dan 5 **Lampiran A**, Pekeliling ini adalah dipanjangkan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam peperiksaan tersebut.

4.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL DAN KETUA JABATAN

4.1 Adalah tanggungjawab Ketua Jabatan untuk membuat perancangan yang rapi dan memastikan penggunaan masa yang cekap dalam melaksanakan PTK bagi menjimatkan perbelanjaan. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal sendiri hendaklah mengawasi dengan rapi terhadap perbelanjaan bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini.

5.0 TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta dan Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2010 Peraturan Pembayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan(PTK) dan Peperiksaan Perkhidmatan di Universiti Malaysia Pahang adalah dibatalkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 15 September 2023

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
 - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
 - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
 - 4) Ketua Pustakawan
 - 5) Penasihat Undang-Undang

LAMPIRAN A

KADAR BAYARAN SAGUHATI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)
DAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM

BIL.	PEGAWAI YANG TERLIBAT	KADAR BAYARAN SAGUHATI		
1.	Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam (LPPA)/ Lembaga Peperiksaan Kementerian/ Lembaga Peperiksaan Penilaian Kompetensi	Bayaran menghadiri mesyuarat sebanyak RM150 sekali mesyuarat. (*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)		
2.	Panel Penggubalan Sukatan Penilaian/ Panel Penggubalan Sukatan Peperiksaan/ Panel Penilaian/ Panel Peperiksaan	Bayaran menghadiri Mesyuarat sebanyak RM100 sekali mesyuarat. (*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)		
3.	Panel Penilaian PPK	Kumpulan Pengurusan & Profesional <ul style="list-style-type: none"> ▪ Simulasi Mengajar ▪ Persembahan Individu ▪ Persembahan Kumpulan ▪ Pengucapan Awam/ <i>Public Speaking</i> ▪ Penilaian Pengurusan Kerja ▪ Penilaian Pengurusan Teknikal ▪ Penilaian Personaliti 	i. RM50 sejam bagi urusan penilaian dengan maksimum RM1,000 bagi satu tempoh penilaian. ii. Tambahan RM25 sejam dengan maksimum RM500 bagi penilaian sesi Pengucapan Awam/ <i>Public Speaking</i> , Perbincangan Kumpulan dan Persembahan Kumpulan.	
		Kumpulan Sokongan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perbincangan Kes ▪ Temuduga Berkumpulan ▪ Simulasi Mengajar ▪ Penilaian Pengurusan Kerja ▪ Penilaian Pengurusan Teknikal ▪ Penilaian Personaliti 	i. RM25 sejam bagi satu urusan penilaian dengan maksimum RM500 bagi satu tempoh penilaian.	
4.	Urusan Penilaian/ Peperiksaan i. Penyelaras Pusat/ Pengawas		Peperiksaan/ Penilaian Sesi Pagi (sehingga pukul 1.00 tgh)	Peperiksaan/ Penilaian Sesi Petang (mulai pukul 2.00 ptg)
		i. Penyelaras Pusat Peperiksaan/ Ketua	RM40 satu sesi	RM20 satu sesi

BIL.	PEGAWAI YANG TERLIBAT	KADAR BAYARAN SAGUHATI		
		Pengawas ii. Penolong Penyelaras Pusat Peperiksaan/ Pengawas (*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)	RM30 satu sesi	RM15 satu sesi
			(*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan Petang) sekiranya waktu peperiksaan bagi kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)	
	ii. Penggubal Soalan/ Rencana		Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Pengurusan & Profesional	Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Sokongan
		i. Soalan esei dengan skema jawapan	RM40 satu soalan	RM30 satu soalan
		ii. Soalan objektif/ pendek/ isi tempat kosong dengan skema jawapan	RM30 satu soalan	RM20 satu soalan
		iii. Soalan perbincangan kes dengan skema jawapan	RM40 satu soalan	RM30 satu soalan
		iv. Soalan temuduga berkumpulan dengan skema jawapan	RM40 satu soalan	RM30 satu soalan
		v. Soalan simulasi mengajar dengan skema jawapan	RM40 satu soalan	RM30 satu soalan
		vi. Rencana ujian trengkas dan penyediaan skim markah bagi kederasan: <ul style="list-style-type: none"> ▪ ≥ 100 perkataan seminit ▪ < 100 perkataan seminit 	RM80 satu rencana RM70 satu rencana	
		vii. Rencana ujian menaip	RM50 satu rencana	
	iii. Pemeriksa Kertas Jawapan/ Trengkas/ Taipan		Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Pengurusan & Profesional	Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Sokongan
		i. Kertas jawapan esei <u>Masa Kertas</u> - kertas ≥ 3 jam - kertas ≥ 2 jam < 3 jam - kertas ≥ 1 jam < 2 jam - kertas < 1 jam	RM6 satu kertas RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3 satu kertas	RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3 satu kertas RM2 satu kertas

BIL.	PEGAWAI YANG TERLIBAT	KADAR BAYARAN SAGUHATI		
		ii. Kertas Projek/ Kertas Tugas Generik/ Fungsional/ Kertas Penilaian <ul style="list-style-type: none"> ▪ 20-25 muka surat ▪ 15-19 muka surat ▪ 14 muka surat ke bawah 	RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3.50 satu kertas	-
		iii. Kertas Renungan	RM3 satu kertas	-
		iv. Kertas soalan objektif/ pendek/ isi tempat kosong	5 sen satu soalan	
		v. Kertas trengkas taip bagi kederasan: <ul style="list-style-type: none"> ▪ ≥ 100 perkataan seminit ▪ < 100 perkataan seminit 	RM2.50 satu rencana RM1.50 satu rencana	
		vi. Kertas taipan ujian menaip	RM1.50 satu rencana	
		(*Sekiranya lebih daripada seorang terlibat, bayaran dibahagikan mengikut bilangan orang)		
	iv. Pembaca Rencana	Rencana Ujian Trengkas <ul style="list-style-type: none"> ▪ ≥ 100 perkataan seminit ▪ < 100 perkataan seminit 	RM80 satu rencana RM70 satu rencana	
5.	Urusan Peperiksaan Secara Lisan/ Amali/ Pemerhatian/ Temuduga/ Penilaian Pemahaman Dalam Kumpulan	Bayaran pemeriksa lisan/ amali/ pemerhatian/ temuduga	Peperiksaan Sesi Pagi (sehingga pukul 1.00 tgh) RM40 satu sesi	Peperiksaan Sesi Petang (mulai pukul 2.00 ptg) RM20 satu sesi
			(*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan petang) sekiranya waktu peperiksaan kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)	